

Kabinet tak bantah Nazri bidas Dr M

KUALA LUMPUR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata tidak ada anggota Kabinet pada mesyuarat jemaah Menteri semalam, membantah tindakan beliau membidas Tun Dr Mahathir Mohamad yang didakwa bersekongkol dengan pembangkang.

"Tak ada seorang pun yang kritik saya, tak ada. Kalau tak kritik, apa maksudnya," katanya pada sidang media di Lobi Parlimen selepas menghadiri daripada mesyuarat Kabinet di Putrajaya.

Isnin lalu, Nazri mengisytihar 'pe-

rang terbuka' terhadap Dr Mahathir dan menyarankan bekas Perdana Menteri itu menyertai pembangkang jika ingin terus mengkritik kerajaan.

Nazri membuat cabaran itu selepas Dr Mahathir mengulangi kritiknya terhadap pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di depan pemimpin parti pembangkang pada majlis dialog anjuran gabungan badan bukan kerajaan (NGO) dan Rakan Media Alternatif di Kelab Century Paradise, Taman Melawati, Sabtu lalu.

Mengenai teguran beberapa pemimpin Umno bahagian terhadap kelantangannya membidas bekas Pre-

siden Umno itu kerana dikhuatiri menggugat perpaduan parti, Nazri berkata, mereka sepatutnya memberi nasihat sama kepada Dr Mahathir.

"Memang Umno bukan milik saya, tetapi Umno juga bukan milik beliau (Dr Mahathir)," katanya merujuk jawapan Dr Mahathir bahawa beliau tidak boleh menyuruhnya keluar parti.

Ditanya apakah ada usaha bagi mendamaikan Dr Mahathir dengan kepimpinan sekarang, Nazri berkata, 'kawan rapat' bekas Perdana Menteri patut mengusahakan sesuatu bagi menghentikan persengketaan itu.

"Jangan pula mereka menghasut

Tun (Dr Mahathir) untuk terus menghentam kerajaan," katanya.

Mengenai tindakan kerajaan untuk menangani masalah itu, Nazri berkata kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa jika Dr Mahathir tetap tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberi dan bertindak seolah-olah mahu menggulingkan kerajaan.

"Jangan tanya apa yang kami (kerajaan) boleh buat, tanya dia (Dr Mahathir) apa yang dia boleh buat.

"Apa yang anda mahu kami buat jika dia terus menghentam kami. Saya fikir dia mahu kami tersungkur," katanya.